

20 MAY 2003

PROTON-MODEL/I

PROTON DIJANGKA LANCAR MODEL BARU PADA DISEMBER 2003

Oleh: Mohamed Rizal Razalli

SHAH ALAM, 20 Mei (Bernama) -- Dengan industri automotif tempatan ketika ini menyaksikan penyusunan semula terutama dari segi penetapan harga yang agresif dan penawaran model baru, pengeluar kereta nasional Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) dilaporkan akan melancarkan sebuah lagi model baru pada Disember ini.

Satu sumber rapat kepada syarikat itu berkata model baru tersebut akan menggunakan kuasa enjin Campro 1.5 liter yang dimajukan oleh Lotus Engineering Ltd-developed.

Lotus Engineering dari Britain yang terkenal dengan kereta sport dan kepakaran kejuruteraan, majoritinya dimiliki oleh Proton.

Enjin Campro sesondol-berkembar itu boleh menghasilkan lebih banyak kuasa dengan tork maksimum melebihi apa yang sepatutnya dimiliki oleh kereta 1.5 liter, kata sumber tersebut.

Pembangunan enjin Campro oleh Proton dan model baru itu adalah selaras dengan strategi syarikat untuk kekal bersaing apabila sektor kenderaan motor tempatan terbuka di bawah Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) bermula 1 Jan, 2006.

Pengeluar kereta nasional itu ketika ini menguji 50 kereta dengan kuasa enjin Campro di kilangnya di Shah Alam.

Sumber berkenaan berkata model terbaru Proton itu akan mempunyai pengendalian jalan dan daya tahan yang lebih baik berbanding model yang ada ketika ini hasil kepakaran jurutera di Lotus Engineering.

Beliau berkata model baru itu juga sejajar dengan matlamat Proton untuk menggunakan 100 peratus komponen dan bahagian tempatan dalam produknya.

Pembangunan produk kereta itu ketika ini berada di peringkat terakhir selepas penyelidikan dan pembangunan selama dua tahun ke atas kerangka dan enjinnya, katanya.

Proton ketika ini sedang menunggu kelulusan daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ia memulakan pengeluaran komersil bagi model baru itu, kata sumber berkenaan.

Para penganalisis percaya Proton perlu mengeluarkan model baru dengan segera kerana jualan syarikat tersebut mencatatkan kemerosotan pada suku pertama tahun ini. Proton menguasai sebahagian besar pasaran kereta penumpang tahun lalu iaitu pada 64 peratus. -- BERNAMA

RIZ SHY ZK